



Tesco memberikan tumpuan tambahan kepada pembekal PKS sempena kempen Raya Jimat, Raya Selamat

KUALA LUMPUR, 17 Mei 2020: Sempena bulan Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri ini, Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd memberikan tumpuan tambahan kepada pembekal perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang membekalkan banyak makanan kegemaran tempatan untuk dinikmati pelanggan.

"Tesco telah lama menjadi penyokong PKS dan jenama tempatan. Ini telah dibuktikan berulang kali melalui promosi berterusan kami untuk produk buatan tempatan di cawangan kami, malahan, sekitar 80 peratus produk Tesco Own Brand kami dihasilkan oleh PKS tempatan," kata Pengarah Produk Tesco, Kenneth Chuah .

"Kami berasa sangat penting untuk kami membantu pembekal PKS tempatan sekarang dengan memberikan mereka sokongan tambahan, kerana banyak daripada mereka telah terkena impak wabak Covid-19 yang sedang berlanjutan. Sebagai peruncit dengan 60 cawangan di seluruh negara dan berjuta-juta pelanggan, pembekal PKS kami akan mendapat pendedahan yang boleh membantu membawa jenama mereka ke tahap yang lebih tinggi semasa kempen *Raya Jimat, Raya Selamat* ini."

PKS, yang merangkumi 98.5 peratus daripada semua perniagaan di Malaysia, adalah tulang belakang ekonomi negara ini. Ia menyumbang hampir 40 peratus kepada produk domestik kasar dan menggaji hampir dua pertiga tenaga kerja tempatan. Bagi kebanyakan PKS, Perintah Kawalan Pergerakan mempunyai kesan yang mendalam terhadap daya maju perniagaan mereka.

Dua daripada PKS yang buat pertama kali bergabung dengan Tesco adalah pengedar industri pondok, Yosh Ventures Sdn Bhd, dan pemborong makanan ringan Malaysia, DNS Kacang Puteh Sdn Bhd.

"Kami sangat gembira dapat bekerjasama dengan Tesco pada bulan Ramadan ini di mana kami dapat membawa pembekal berskala kecil seperti pembuat kerepek yang berpusat di Selangor, Jars Manufacturing dan pembuat buah bijan yang berpusat di Kelantan, Kak Ha Enterprise," kata pengasas dan ketua pegawai eksekutif Yosh Ventures, Isa Johari.

"Kedua-dua pembekal ini adalah milik keluarga dan beroperasi langsung dari dapur mereka atau fasiliti kecil yang dipasang di rumah mereka. Ini adalah usahawan yang rajin mencari peluang besar untuk meningkatkan jenama dan pendedahan mereka. Dengan mempunyai produk mereka di rak-rak Tesco di seluruh Malaysia, mereka akan dapat meningkatkan penjualan dan pengiktirafan jenama produk mereka."

Yosh Ventures ditubuhkan pada tahun 2016 dan kini mengedarkan produk-produk dari sekitar 15 PKS mikro dari seluruh negara. Syarikat ini sentiasa mencari peluang untuk meneroka bidang baru dan membantu lebih banyak pengeluar PKS mikro.

Pengarah DNS Kacang Puteh, Nerumal Kumar amat berbesar hati yang produk syarikatnya yang terdiri daripada murukku dan kacang pedas sebagai sebahagian daripada kempen Ramadan Tesco.

“Apabila memikirkan sambutan Ramadan dan Hari Raya, ramai yang akan memikirkan ketupat dan rendang tetapi bukan murukku. Namun, murukku telah menjadi makanan ringan kegemaran di kalangan rakyat Malaysia walau apa pun bangsa atau agama dan kami gembira kerana rangkaian produk kami kini tersedia untuk berjuta-juta pelanggan Tesco,” kata Nerumal, yang kilangnya berpusat di Perak.

Semua produk DNS Kacang Puteh diperakui Halal.

Sejak awal tahun ini, Tesco telah menambahkan 12 PKS baru ke raknya sebagai sebahagian daripada sokongannya terhadap industri perniagaan tempatan. Sementara itu, kempen *Raya Jimat, Raya Selamat* sedang berlangsung di semua cawangan Tesco dan platform atas talian termasuk Tesco Online, Lazada, dan Shopee hingga 30 Julai 2020.

TAMAT

About Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd

Tesco Malaysia was established in May 2002 through its first store in Puchong, Selangor. Today, it employs some 7,000 employees across 60 stores and two distribution centres throughout Peninsular Malaysia. In 2013, Tesco paved the way in online grocery shopping through the launch of Tesco Online which started in Klang Valley before expanding to Penang, Johor Bahru, Melaka, Negeri Sembilan and Ipoh.